

FWD Invest First – Education Plan

Berikan anak-anak anda kelebihan yang mereka perlukan




Hubungi hotline kami: 1300 13 7988

Penting untuk anda mempunyai perancangan masa hadapan tetapi lebih penting untuk anda melindungi perancangan tersebut.

Tiga puluh tahun lepas, untuk mendapatkan pekerjaan yang hebat hanya memerlukan ijazah universiti. Hari ini, ianya belum tentu menjamin temuduga kerja.

Pasaran kerja pada hari ini begitu sengit. Untuk menonjolkan diri, anak anda memerlukan kemahiran dan kebolehan yang lain daripada lain.

Kebanyakan ibu bapa tahu akan hal ini dan berakhir dengan membuat pengorbanan kewangan yang mereka tidak mampu, untuk memastikan anak-anak mereka berjaya di masa hadapan.



Kami bawakan anda FWD Invest First, pelan Takaful berkaitan pelaburan yang membantu anda meningkatkan pelaburan disamping memberikan perlindungan kepada kewangan anda, supaya anda dapat melabur untuk masa depan anak-anak anda tanpa perlu membuat apa-apa hutang.

Pinjaman pelajaran bagi pendidikan tinggi sudah menjadi cabaran nasional

Dalam senario ini, adakah anda membayangkan anak-anak anda...

- Menghabiskan pengajian tinggi.
- Melanjutkan pelajaran di kolej dan universiti terbaik.
- Mendapatkan pendidikan dari 100 universiti terbaik dunia.

Pernahkah anda terfikir cara menjadikannya realiti?

- Bagaimana anda akan membayar yuran pendidikan anak anda, disamping masih lagi menikmati persaraan anda?
- Perlukah anda meminjam wang untuk membayar yuran pengajian?
- Bagaimana anda menyeimbangkan kecairan jangka pendek dalam masa yang sama mengekalkan pelaburan jangka masa panjang anda?
- Faedah sosial tidak akan kekal pada tahap yang sama selama-lamanya

Perancangan pendidikan yang berjaya bermula dengan membayangkan gaya hidup yang bermanfaat dan bertanggungjawab.

FWD Invest First direka khas untuk setiap fasa kehidupan anda untuk membina kekayaan dan kestabilan masa hadapan, seperti...



Mempertingkatkan simpanan persaraan anda dengan cekap melalui pelaburan patuh Syariah.



Melindungi anda jika kejadian yang tidak diingini berlaku, supaya pelan simpanan anda masih berada di landasan untuk memenuhi matlamat anda.

Kuasa kompaun

Untuk perancangan kewangan, kos adalah lebih besar jika anda bertangguh ke hari esok. Mari kita lihat dua pelan pendidikan universiti bagi dua keluarga berlainan:

Apakah maksudnya kepada anda?

Mula menyimpan pada usia...


*Amaun pada umur 18

Keuntungan adalah

	Anwar	1 Tahun	RM600 sebulan	RM203,133	RM80,733	Pemenang yang jelas!
	Raj	12 Tahun	RM2,400 sebulan	RM200,889	RM28,089	

*Dengan andaian pulangan pelaburan 6% dalam tempoh tersebut.

Tahukah anda permulaan yang awal akan membantu anda meminimumkan impak inflasi?




Apakah maknanya kepada anda?

Inflasi yang sederhana boleh mengurangkan kuasa membeli anda dengan drastik!

Walaupun pada kadar yang rendah pada hari ini, inflasi boleh memberi kos yang besar ke atas nilai wang anda, membuatkan ia tidak mencukupi apabila anda memerlukannya.

Bagaimana pelan ini berfungsi

FWD Invest First ialah pelan Takaful berkaitan pelaburan yang membantu anda untuk mencapai keseimbangan dalam keperluan perlindungan dan pelaburan untuk menjamin masa depan anak anda dengan jumlah perlindungan minimum RM 100,000. Ilustrasi di bawah menunjukkan bagaimana pelan ini berfungsi.



Bagaimana pelan ini dapat membantu anda mencapai keperluan simpanan anda?

Kami memahami bahawa ketika anda menyimpan untuk perkara tertentu, musibah mungkin berlaku kepada anda dan anda mungkin perlu akses kepada wang anda dengan segera atau secara berkala. Kami telah mereka FWD Invest First supaya dapat memenuhi keperluan dan situasi tersebut.

Pengeluaran berkala	Anda boleh membuat pengeluaran berkala berdasarkan keperluan anda dan pada masa yang sama, masih menggandakan wang yang selebihnya, semua ini tanpa sebarang caj.
Pengeluaran separa	Anda boleh membuat pengeluaran separa jika anda mahu daripada mana-mana dana tanpa sebarang caj tambahan.
Menukar destinasi pelaburan	Anda boleh melabur sumbangan masa hadapan ke dalam mana-mana dana pada bila-bila masa tanpa memberi kesan kepada pilihan dana sedia ada anda.
Manfaat kematangan	Apabila sijil anda matang, anda akan menerima nilai Akaun Simpanan Peserta anda atau menukar plan anda kepada plan Wealth atau plan Legacy.

Manfaat-manfaat perlindungan di bawah pelan ini

FWD Invest First adalah produk takaful yang juga melindungi anda jika anda mengalami hilang upaya penuh dan kekal (HUPK) dan meninggal dunia.

Manfaat kematian	Jika orang dilindungi meninggal dunia, kami akan membayar maksimum di antara jumlah dilindungi atau amaun di dalam Akaun Simpanan Peserta.
Manfaat HUPK tambahan	Jika orang dilindungi mengalami HUPK, kami akan membayar jumlah dilindungi secara penuh di bawah pelan ini.
Manfaat pengecualian sumbangan	Jika kami membayar tuntutan HUPK di bawah sijil ini, kami juga akan mengecualikan sumbangan untuk pelan asas pada masa hadapan, jadi anda tidak perlu risau lagi.

Pada kami, perlindungan juga bermakna memberi sokongan untuk menghadapi proses pemulihan

Di FWD, kami memahami apa yang berlaku kepada keluarga apabila ahli keluarga meninggal dunia. Mereka merasa kehilangan dan tidak dapat meneruskan kehidupan, membuatkan rancangan masa hadapan mereka terjejas. FWD Invest First menyediakan sokongan kewangan dan juga sokongan emosi dan praktikal, untuk mengembalikan keluarga anda kepada keadaan sediakala.



Kaunseling Kesedihan

Kami akan membayar sehingga 10 sesi kaunseling dengan kaunselor kesedihan daripada panel kami; sehingga jumlah yang dikenakan mencapai RM2,000.



Nasihat Guaman

Kami akan membayar sehingga 3 sesi nasihat guaman dengan penasihat undang undang daripada panel kami; sehingga jumlah yang dikenakan mencapai RM2,000.



Badal Haji*

Kami akan menyediakan sokongan Badal Haji untuk pelanggan Islam di mana kami akan mengurus dan membayar untuk Badal Haji daripada panel penyedia perkhidmatan kami.

Siapa yang layak:

- Orang dilindungi yang tidak pernah mengerjakan ibadah Haji semasa hayat mereka.

*Bagi pelanggan bukan Islam kami akan membayar manfaat sekali gus sebanyak RM2,000.

Kenaikan jumlah dilindungi secara automatik – tidak perlu menyertai sijil kedua

Kami memahami bahawa untuk mengatasi inflasi dari masa ke semasa, anda perlu lebih banyak perlindungan supaya ia sesuai dengan perancangan kewangan anda secara keseluruhan. Pelan ini menawarkan peluang yang unik untuk menaikkan perlindungan anda tanpa sebarang pengunderaitan.



Apabila anda memilih untuk pilihan ini, jumlah dilindungi akan meningkat sebanyak 5% setahun pada 6 tahun pertama.

Jumlah dilindungi meningkat berdasarkan peristiwa

Dengan setiap pencapaian, sebagai manusia biasa kita juga berasa untuk melindunginya. FWD Invest First menawarkan anda peluang keemasan untuk meningkatkan perlindungan anda dan nikmati ketenangan fikiran apabila anda mencapai beberapa peristiwa penting dalam hidup anda. Seperti,

- Berjaya menamatkan pendidikan tertiar, atau
- Mendapat kerja pertama

Langkah pertama: Menilai berapa banyak simpanan yang anda perlukan

Realitinya – Pada hari ini, pembiayaan pendidikan cukup sukar dengan kos yang semakin meningkat. Dengan inflasi terhadap pendapatan, ianya lebih menyukarkan keadaan.

	Kos sekarang	Kos purata yang dijangka selepas 10 tahun			
	Malaysia	Malaysia	USA	UK	Australia
Kejuruteraan	RM 60k	RM 155k	RM 2.2m	RM 1.6m	RM 1.2m
Perubatan	RM 320k	RM 830k	RM 2.4m	RM 1.9m	RM 2.3m
Bioteknologi	RM 60k	RM 155k	RM 1.6m	RM 1.6m	RM 1.3m
Ijazah Sarjana Perniagaan	RM 30.1k	RM 78k	RM 1.4m	RM 510k	RM 630k

*Dengan anggaran inflasi sebanyak 10%.

Sumber: hotcoursesabroad.com

Langkah kedua: Seimbangkan objektif dan perkara utama anda

Apabila anda melabur bagi tujuan perancangan legasi, anda perlu menilai kapasiti kewangan anda dengan jelas dan seimbangkan dengan kesediaan anda untuk mengambil risiko dan juga jenis-jenis risiko. Ini adalah penting kerana melabur dalam pelan berkaitan pelaburan Takaful adalah komitmen jangka panjang.



Kapasiti

- Tempoh Masa
- Situasi Kewangan




Kesediaan

- Objektif Pelaburan
- Toleransi Terhadap Risiko
- Sikap Ke Atas Risiko

Sila berbincang dengan ejen kami, mereka sedia memberi panduan kepada anda.

Apakah makna risiko dan ganjaran kepada anda?

Tiada pelaburan yang tiada risiko. Wang tunai melindungi prinsipal dengan pulangan yang rendah yang mana ini akan menghalang anda daripada mencapai objektif kewangan anda. Jika anda mempelbagaikan pelaburan ke dalam aset yang lebih berisiko dengan cara berhemat, ia akan membantu anda mengurus ketidakpastian. Walau bagaimanapun, ia juga tidak dapat menjamin keuntungan atau melindungi anda daripada kemungkinan mengalami kerugian.



Bagaimana cara untuk anda memilih dana pelaburan yang sesuai?

Apabila ia berkaitan dengan wang, ada beberapa faktor yang perlu diteliti “Bagaimana” dan “Kenapa” kita membuat keputusan.

Di bawah adalah 4 contoh personaliti utama untuk menilai anda sebagai seorang pelabur.

Pengumpul	Pengikut	Pemelihara	Berdikari
- Berminat untuk mengumpul harta. - Mahu mengawal keputusan untuk melabur. - Yakin dengan keputusan berkaitan pelaburan yang mereka ambil.	- Mengikut kawan-kawan atau trend pelaburan baru. - Kekurangan minat atau pengetahuan mengenai pelaburan. - Proses membuat keputusan selalu tidak mengambil kira perancangan masa panjang.	- Menekankan keselamatan kewangan. - Bimbang tentang kerugian dan prestasi jangka pendek. - Takut akan membuat keputusan pelaburan yang salah.	- Mempunyai idea-idea yang asli dan suka melibatkan diri dalam proses pelaburan. - Seorang yang mempunyai pemikiran yang analitikal dan kritikal. - Mungkin menunjukkan berat sebelah dalam membuat keputusan kerana penyelidikan sendiri.

Sumber: CFA Institute

Manfaat-manfaat pilihan

Anda juga boleh menyertai pelan-pelan rider berikut bersama FWD Invest First untuk menambah baik perlindungan anda secara keseluruhannya.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang pelan rider, sila layari fwd.com.my atau bertanya dengan para ejen kami.

Pilihan dana-dana pelaburan dan caj wakalah pengurusan dana

Sila layari laman sesawang kami di fwd.com.my untuk lebih memahami profil risiko setiap dana.

Nama Dana	Caj wakalah pengurusan dana
FWD Takaful LifeSelect Fixed Income Fund	1%
FWD Takaful LifeSelect Equity Fund	1.5%
FWD Takaful Dynamic Fund	1.5%
FWD Takaful Asia Pacific Islamic Equity Fund	1.5%
FWD Takaful Islamic Sukuk Fund	1%
FWD Takaful World Islamic Equity Fund	1.5%

Jika anda tidak membayar sumbangan anda

Jika anda tidak membayar sumbangan anda pada bila-bila masa dalam 3 tahun pertama, kami akan mengenakan yuran cuti sumbangan sebanyak 2% daripada amaun yang perlu dibayar dan menolaknya daripada Akaun Simpanan Peserta anda untuk mendapatkan kembali perbelanjaan kami.

Tidak membayar sumbangan dalam jangka masa yang lama akan mengurangkan Akaun Simpanan Peserta (ASP) anda dan mungkin akan mengakibatkan sijil anda ditamatkan jika nilai Akaun Simpanan Peserta tidak mencukupi untuk membayar caj-caj yang perlu dibayar.

Jika anda berubah fikiran

Jika anda tidak berpuas hati dengan sijil anda, dan anda belum membuat tuntutan, anda mempunyai 15 hari dari tarikh penerimaan sijil anda untuk membatalkannya dan menerima kembali sumbangan anda, ditolak perbelanjaan perubatan (jika ada).

Bila kami tidak akan membayar sebarang manfaat

Di FWD, kami tidak percaya dengan senarai klausa yang panjang lagi tersembunyi yang menghalang kami daripada membayar manfaat kepada anda. Jadi kami telah meringkaskan senarai pengecualian kami kepada hanya 3 kriteria:

Bunuh diri, cubaan bunuh diri atau tindakan mencederakan diri sendiri

Kami tidak akan membayar sebarang manfaat di bawah sijil ini jika tuntutan yang dibuat berlaku akibat daripada bunuh diri, percubaan membunuh diri atau kecederaan yang disengajakan ke atas diri sendiri oleh orang dilindungi dalam tempoh satu tahun dari;

- permulaan sijil anda, atau tarikh kali terakhir kami menghidupkan semula sijil anda; atau
- tarikh kali terakhir kami meluluskan peningkatan manfaat kematian di bawah sijil anda.

Pengecualian ini terpakai tanpa mengambil kira keadaan mental orang dilindungi.

Tindakan menyalahi undang-undang

Kami tidak akan membayar sebarang manfaat di bawah sijil ini jika tuntutan dibuat kerana anda atau orang dilindungi dengan sengaja terlibat dalam perbuatan yang menyalahi undang-undang, atau kegagalan untuk bertindak yang menyalahi undang-undang.

Perang

Kami tidak akan membayar sebarang manfaat di bawah sijil ini jika tuntutan itu adalah akibat tindakan peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), rampasan kuasa, revolusi, rusuhan atau apa-apa kejadian yang serupa.

Kelayakan untuk penyertaan adalah mudah

Warganegara Malaysia atau pemastautin tetap. Umur orang dilindungi:

Orang Utama	Umur yang melayakkan anda memohon untuk perlindungan	Umur perlindungan tamat
Pemilik sijil	Mesti berumur antara 17 hingga 65 tahun	–
Orang dilindungi	Mesti berumur antara 1 bulan dan 10 tahun	Perlindungan tamat pada umur 25*

*Bergantung kepada umur matang yang dipilih, tertakluk kepada tempoh sijil minima selama 15 tahun.
Note: Umur yang digunapakai ialah umur pada hari lahir berikutnya.

Berapakah yuran Wakalah?

Tahun Sijil	1	2	3	4	5	6	7-10	11+
*Yuran Wakalah	40%	40%	40%	20%	20%	20%	5%	0%

*Yuran ini adalah berdasarkan sijil dengan tempoh sumbangan berkala. Untuk tempoh bayaran sumbangan yang lebih pendek, yuran yang lebih rendah dikenakan. Semua sumbangan tambahan akan dikenakan yuran wakalah sebanyak 5%.

Adakah kami patuh Syariah?

1. Kami menguruskan sumbangan anda dan operasi takaful kami berdasarkan kontrak Syariah Wakalah dan berpandukan jawatankuasa Syariah kami.



Takaful adalah konsep saling membantu berdasarkan semangat persaudaraan dan solidariti di mana anda dan peserta lain bersetuju untuk memberi bantuan kewangan sekiranya salah seorang peserta lain mengalami kerugian tertentu.



Wakalah bermaksud seseorang melantik satu pihak yang lain sebagai wakilnya.

2. Kami memasukkan sumbangan anda, di tolak yuran Wakalah, ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP) sebagai tabarru'. Tabarru' digunakan untuk membayar manfaat kepada orang yang layak menerimanya berdasarkan:

- perpaduan persaudaraan dan kerjasama dalam kalangan peserta; dan
- terma dan syarat mengikut sijil



Tabarru' adalah derma untuk tujuan takaful.

3. Sekiranya DRP menunjukkan prestasi yang baik, kami akan menggunakan 50% daripada lebihan sebagai Ju'alah dan baki 50% akan diagihkan kepada para peserta yang layak.



Jika nilai DRP tidak mencukupi untuk membayar tuntutan, kami akan memberikan Qard yang merupakan pinjaman tanpa faedah kepada DRP.



Ju'alah merupakan ganjaran kepada Pengendali Takaful bagi prestasi baik DRP yang akan diuruskan.

Caj Wakalah Perkhidmatan

Kami akan menolak RM 7 setiap bulan daripada ASP anda.

Tempoh Perlindungan

- Minimum – 15 tahun
- Maksimum – apabila orang dilindungi mencapai umur 25 pada hari lahir berikutnya

Berapakah jumlah sumbangan anda

Sumbangan anda bergantung kepada kriteria berikut untuk semua ahli keluarga yang dilindungi dibawah sijil:

- Umur
- Status kesihatan
- Status merokok
- Pekerjaan
- Jantina
- Jumlah dilindungi
- Tempoh perlindungan
- Frekuensi bayaran

Pelan ini menawarkan anda pilihan tempoh bayaran sumbangan yang berbeza:

Pilihan bayaran	Minimum setiap bulan
Bayaran berkala	RM100
15 tahun bayaran terhad	RM200
10 tahun bayaran terhad	RM250
5 tahun bayaran terhad	RM500

Nota Penting

1. Risalah ini bukanlah kontrak antara anda dan FWD Takaful Berhad. Terma dan syarat lengkap ada dinyatakan di dalam dokumen sijil.
2. Anda layak mendapat pelepasan cukai individu apabila anda menyertai pelan ini, tertakluk kepada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN).
3. Jika nilai Akaun Simpanan Peserta anda menjadi sifar semasa 5 tahun pertama sijil anda, jika anda membayar semua sumbangan yang perlu dibayar tepat pada masanya dan tidak membuat sebarang pertukaran kepada terma-terma sijil asal, maka sijil anda tidak akan ditamatkan.
4. Anda perlu memastikan anda berpuas hati bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar merupakan jumlah yang anda mampu bayar.
5. Ini adalah produk takaful yang tertakluk kepada prestasi aset sandaran dan bukan produk pelaburan tulen seperti unit amanah.

Untuk maklumat lanjut,

silalah hubungi ejen anda,
hubungi hotline kami atau
layari laman web kami di

fwd.com.my



Khidmat Hotline
1300 13 7988



Anda sudah menjadi
pelanggan? Sila log masuk
ke portal pelanggan kami

Mengenai FWD Takaful Berhad

FWD Takaful Berhad (“FWD Takaful”) adalah pengendali Takaful di Malaysia yang menawarkan perkhidmatan Takaful keluarga. FWD Takaful dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Ditubuhkan di Asia pada tahun 2013 dengan matlamat sebagai perintis, Kumpulan FWD (“FWD”) adalah perniagaan insurans utama kumpulan pelaburan, Pacific Century Group.

Ia adalah unit perniagaan Takaful FWD – yang merangkumi 10 pasaran di Asia termasuk Hong Kong SAR & Macau SAR, Thailand, Indonesia, Filipina, Singapura, Vietnam, Jepun, Malaysia dan Kemboja; menawarkan insurans hayat dan perubatan, insurans am, pelan perlindungan pekerja, pelan perlindungan Syariah dan Takaful keluarga merentasi beberapa pasarannya.

FWD menumpukan usaha untuk mencipta pengalaman pelanggan yang baru dan menjadikan insurans lebih mudah, cepat dan lancar, dengan pembaharuan yang inovatif dan pelan perlindungan yang mudah difahami, disokong oleh teknologi digital. Melalui pendekatan yang didorong oleh pelanggan ini, FWD mensasarkan untuk menjadi peneraju insurans Asia yang mengubah pandangan terhadap insurans.

Untuk maklumat lanjut, silalah layari fwd.com.my.